

MCA gesa pantau elak penyelewengan

8 AUG 2000

BANGI, Isnin – MCA berharap kerajaan memantau pelaksanaan Sekolah Wawasan supaya tidak diselewengkan pihak yang berniat menggagalkan matlamat penubuhannya.

Naib Ketua Pemuda MCA, Loh Seng Kok berkata, penubuhan sekolah berkenaan memang baik, tetapi MCA bimbang kemungkinan ada pihak yang cuba menyelewengkan konsepnya.

Beliau yang ditemui pada majlis perasmian Pameran Pesta Tanglung Ke-21 di Dataran Pusanika, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, hari ini, mengulas isu kekeliruan masyarakat Cina mengenai konsep sekolah itu.

Ditanya sama ada penubuhan sekolah itu akan mengurangkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Cina, beliau berkata:

“Penubuhan sekolah itu tidak ada kena mengena dengan pelaksanaan SRJK Cina. Jadi, tidak timbul isu pengurangannya.”

Beliau berkata, MCA juga bersedia bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk memberi penerangan mengenai kon-

sep sekolah berkenaan kepada masyarakat Cina.

Semalam, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed meminta MCA berganding bahu dengan kerajaan memberi penjelasan berikutan kekeliruan masyarakat Cina berhubung Sekolah Wawasan.

Musa berkata, MCA sepatutnya sama-sama maklumkan kepada masyarakat Cina mengenai konsep penubuhan sekolah itu kerana parti itu juga diberikan penjelasan mengenainya sebelum ini.

Sebelum ini, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik meminta kementerian memberi butiran terperinci struktur sebenar sekolah itu supaya tidak dipolitikkan mana-mana pihak.

Sementara itu, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim menyokong penuh keputusan Kementerian Pendidikan untuk menubuhkan Sekolah Wawasan.

Katanya, masyarakat Cina tidak perlu bimbang dengan penubuhan sekolah itu kerana matlamat utamanya adalah mempercepatkan lagi proses inte-

grasi nasional di kalangan masyarakat majmuk.

Dalam kenyataannya, beliau juga berharap semua pihak memberi peluang kepada kementerian bagi melaksanakan projek Sekolah Wawasan dengan tidak memberi tanggapan negatif terhadap penubuhan sekolah itu.

Presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB), Dr Abdul Rahman Daud pula berkata, KGMMB menyokong penubuhan Sekolah Wawasan yang menggabungkan tiga sekolah berlainan aliran dalam satu kampus.

“Usaha menggabungkan tiga sekolah berlainan aliran seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dapat menyemai semangat kerjasama antara pelajar,” katanya.

Abdul Rahman berkata, persefahaman antara kaum penting untuk mewujudkan sebuah negara maju dan stabil dari segi ekonomi.

Beliau menggesa pihak tertentu supaya tidak mempolitikkan isu berkenaan bagi membendung masalah yang boleh menjejaskan keamanan negara.